

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan/ Bertulis

DARIPADA : Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar]

SOALAN : Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

Apa tindakan yang sedang diambil untuk menangani serangan "weedy rice" atau "padi angin" yang kebal-herbicide yang sedang mengancam penghidupan petani akibat pemindahan gen "gene flow" daripada kegunaan padi variasi CL1 dan CL2 yang kebal IMI herbicide kepada padi angin.

JAWAPAN

21

Tuan Yang Dipertua,

Terdapat 2 kemungkinan padi angin tidak dapat dikawal oleh pakej teknologi Clearfield seperti berikut:

- i. Petani tidak mengikuti panduan penggunaan Clearfield **SEPENUHNYA** iaitu menggunakan benih sah, menyembur racun On Duty yang sah pada masa yang tepat, dan tidak menanam varieti padi Clearfield melebihi dua musim; dan
- ii. Padi angin berevolusi rintang terhadap racun OnDuty kesan daripada penyalahgunaan sistem Clearfield ini.

MARDI sedang berkerjasama dengan syarikat BASF, untuk menjalankan aktiviti penyelidikan bagi menangani masalah ini sejak dari tahun 2015. Dijangka satu SOP kawalan padi angin akan diumumkan hasil daripada kajian ini pada tahun 2019.

22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO LEUNG [ALOR SETAR]

SOALAN : 310

Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk menambah-baikkkan servis KTM Komuter (Butterworth-Padang Besar) yang sedang menghadapi kesesakan dan tiada kemudahan tandas dalam gerabak komuter.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KTMB sentiasa prihatin dalam menambahbaik mutu perkhidmatan bagi memberikan keselesaan kepada penumpang.

Bagi menambahbaik perkhidmatan Komuter Butterworth-Padang Besar, KTMB sedang dalam kajian untuk menggunakan set tren elektrik 6 koc (SCS) bersama-sama set tren elektrik 3 koc sedia ada pada waktu hujung minggu iaitu Sabtu dan Ahad. Walau bagaimanapun, ia juga akan bergantung kepada kecukupan jumlah set tren elektrik 6 koc sedia ada yang pada masa ini digunakan di sektor Lembah Klang.

Oleh kerana secara prinsipnya, perkhidmatan komuter melibatkan perjalanan jarak dekat, maka rekabentuk tren komuter tidak mengandungi kemudahan yang lazimnya ada di dalam keretapi bagi perkhidmatan antarabandar dan ETS, termasuk tandas, surau dan kafeteria. Selain itu, SPAD turut menetapkan bahawa hanya tren yang memakan masa melebihi 2 jam memerlukan kemudahan awam seperti tandas, surau dan kafeteria.